



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

SOCIOECONOMIC INSIGHT NO.10 / 2023

Isu Caj Transaksi DuitNow QR

POLICY AND RESEARCH DIVISION
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA
2 OCTOBER 2023

Isu Caj Transaksi DuitNow QR
Bertarikh 2 Oktober 2023

Latar Belakang

Baru-baru ini, rata-rata peniaga kecil dan pengguna perkhidmatan DuitNow QR menyuarakan kebimbangan dengan penamatan pengecualian kadar diskaun peniaga (MDR) bagi caj transaksi pembayaran yang diterima menerusi platform kod DuitNow QR berkuat kuasa 1 November 2023.

Hakikatnya, sebarang pengenaan caj walaupun kecil kepada peniaga terutama dalam keadaan ekonomi negara yang masih tidak menentu meruncing sudah tentu akan memberi kesan, terutama kepada perniagaan mikro dan kecil. Pengenaan caj ke atas pengguna DuitNow meresahkan peniaga kecil¹ yang kebanyakan bimbang “untung tidak seberapa” mereka makin mengecil.

Menurut pakar ekonomi dan persatuan pengguna², pengguna termasuk golongan berpendapatan rendah tetap akan terbeban dengan pelaksanaan caj transaksi untuk pembayaran DuitNow QR dan transaksi yang dibuat dengan kad kredit.

Selain itu, menurut Pengerusi Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta) William Ng, pihaknya berusaha keras menggalakkan usahawan kecil dan sederhana (PMKS) beralih kepada digital tetapi mengenakan caj seperti itu akan membantutkan usaha tersebut.³

Susulan itu, beberapa [bank utama](#) seperti Public Bank, CIMB Bank, Maybank, Hong Leong Bank dan penyedia perkhidmatan kewangan bukan bank utama telah mengumumkan untuk terus menanggungkan caj transaksi DuitNow QR bagi perniagaan mikro dan kecil buat masa ini.

Walaupun inisiatif penangguhan caj transaksi ini dialu-alukan, namun ia hanyalah bersifat sementara. Dalam pada kerajaan menggalakkan

¹ [Peniaga resah untung makin 'tipis' jika caj QR DuitNow dilaksana](#)

² [Golongan berpendapatan rendah tetap terbeban dengan caj DuitNow QR](#)

³ [Jelaskan isu yuran kod QR DuitNow, kumpulan perniagaan beritahu PayNet](#)

Isu Caj Transaksi DuitNow QR
Bertarikh 2 Oktober 2023

pembayaran tanpa tunai selaras agenda digitalisasi, perkembangan terbaharu ini boleh merencatkan usaha itu.

Seharusnya kerajaan menunjukkan keseriusan untuk mencari penyelesaian yang tidak membebankan rakyat. Kerajaan tidak harus membuat sebarang keputusan secara 'ad hoc' yang hanya akan menambah keresahan rakyat tatkala mereka semakin terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup.

Caj Transaksi DuitNow QR

Kronologi & jenis fi transaksi

a) Kronologi

28 September - [Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. \(PayNet\)](#) Pengendali DuitNow QR, PayNet mengesahkan bahawa **pengecualian kadar diskaun peniaga (MDR) untuk pembayaran menerusi kod QR DuitNow berakhir berkuat kuasa 1 November 2023** di mana vendor akan dikenakan yuran transaksi untuk pembayaran yang diterima melalui platform kod DuitNow QR.

Untuk rekod, sebagai insentif galakan penggunaan pembayaran kod QR pada 2019, MDR telah dikecualikan. sebelum dilanjutkan ekoran pandemik Covid-19.

29 September - [Perdana Menteri berkata](#) pengenaan yuran transaksi untuk pembayaran DuitNow QR dan transaksi yang dibuat dengan kad kredit **tidak membebankan golongan berpendapatan rendah di negara ini.**

29 September - [Bank Negara Malaysia \(BNM\)](#) mengumumkan bahawa caj bayaran DuitNow QR bagi peniaga mikro dan kecil serta pembayar akan terus dikecualikan. "Bank-bank utama dan para penyedia perkhidmatan kewangan bukan bank terpilih, yang

Isu Caj Transaksi DuitNow QR
Bertarikh 2 Oktober 2023

	<p>menguruskan 75% perniagaan yang menerima pembayaran secara DuitNow QR pada masa ini, telah mengumumkan bahawa mereka akan terus mengecualikan fi transaksi ke atas perniagaan mikro dan kecil yang menerima pembayaran secara DuitNow QR."</p> <p>b) Jenis fi transaksi</p> <p>i) Kadar diskaun peniaga (MDR)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dikenakan terhadap peniaga yang menerima pembayaran. Struktur fi adalah tertakluk kepada sama ada bank memutuskan untuk menyerap kos yang terlibat; • Caj 0.25% dari nilai transaksi dikenakan jika bayaran dibuat dari akaun semasa atau simpanan; • Manakala Caj 0.50% untuk pembayaran QR menggunakan kad kredit. <p>ii) Pengenaan Fi RM0.50 bagi setiap transaksi RM5,000 ke atas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya melibatkan transaksi antara kod QR peribadi - tidak melibatkan pengenaan ke atas peniaga.
<p>Cadangan penambahbaikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan perlu memberi jaminan bahawa tiada kos baharu akan dikenakan kepada para peniaga mikro dan kecil memandangkan mereka adalah sebahagian besar pengguna perkhidmatan DuitNow QR. <ul style="list-style-type: none"> - Hal ini kerana sebarang caj akan mengurangkan margin keuntungan mereka. Lebih parah apabila kos ini dipindahkan kepada pengguna iaitu rakyat, yang akhirnya menjadi mangsa menanggung beban kenaikan harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran.

Isu Caj Transaksi DuitNow QR
Bertarikh 2 Oktober 2023

- | | |
|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none">- Mengkaji keperluan pengecualian sepenuhnya caj transaksi atau mewujudkan mekanisme khusus supaya kos tersebut diserap sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR), memandangkan yang paling teruk terkesan adalah peniaga kecil yang baru mula menggunakan platform DuitNow QR untuk tujuan transaksi.<ul style="list-style-type: none">- Ini juga perlu mengambil kira bank-bank yang menerima manfaat daripada penjimatan kos operasi bagi pembayaran tanpa tunai menerusi DuitNow QR seperti kos ATM untuk pengeluaran wang tunai serta kos penyelenggaraan wang tunai.
- Mencari solusi <i>win-win</i> dalam usaha menambah baik ekosistem rangkaian perkhidmatan transaksi tanpa tunai dalam negara termasuk DuitNow secara menyeluruh.<ul style="list-style-type: none">- Untuk tujuan ini, intervensi kerajaan diperlukan dengan kerjasama Bank Negara, bank-bank serta penyedia perkhidmatan bukan kewangan di samping wakil industri dan persatuan pengguna. |
|--|--|

Disediakan oleh: Sim Why Jean - Research Analyst (Politik)

- TAMAT -